

Pemandu merogol di tandas dijel 12 tahun, 4 sebat

Sinar Harian 22/10/04 2010 M/S 14

SHAH ALAM – Seorang pemandu lori dihukum penjara 12 tahun, empat sebatan kerana merogol seorang gadis bawah umur di sebuah tandas, kira-kira enam tahun lalu.

Mahkamah Sesyen di sini, semalam mendapati Norirwanshah Mat Noor, 27, bersalah merogol mangsa ketika itu berusia 14 tahun di tandas awam, Taman Tasik Shah Alam, Seksyen 14, kira-kira jam 6 pagi, 30 Disember 2004.

Mengikut keterangan bicara, pada hari kejadian mangsa yang tidak bersekolah melepak bersama rakan di sebuah pondok berhampiran tempat kejadian selepas

bersiar-siar di Kompleks Alam Sentral, di sini.

Tertuduh yang kebetulan dikenali mangsa bersama seorang lagi lelaki kemudian datang memberitahu bahawa mangsa disuruh pulang oleh ayahnya.

Mangsa mengikuti tertuduh kononnya mahu pulang ke rumah bagaimanapun dirogol dalam tandas awam berkenaan.

Hakim Hasbi Hasan berkata, pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Noora Nisa Ngadirin berjaya membuktikan keraguan munasabah dalam kes itu.

Tertuduh diwakili peguam,

Velvashini diperintah menjalani hukuman bermula semalam tetapi memohon penangguhan terhadap pelaksanaannya hukuman sehingga rayuan selesai di Mahkamah Tinggi.

Bagaimanapun dia yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak diperintah ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat melapor diri di balai polis berdekatan dua minggu sekali.

Semalam, tertuduh yang memakai kemeja berkotak kecil merah dan biru hanya kelihatan tenang manakala isterinya tidak hadir mendengar keputusan itu.